

PEMBETULAN

Hal.	Perenggan	Baris	Perkataan	Sebetulnya
xviii	1	2	Walau bagaimana pun	Walaubagaimana
xix	2	2	pahla	pahala
xix	3	3	bertawkkal	bertawakkal
5	3	2	di berikan	diberikan
6	3	1	Perbezaan mereka pada	perbezaan mereka dalam
11	1	2	Meletakkan "ubah suai"	meletakkan syarat "ubah suai"
17	1	4	Sila lihat di dalam kitab al-Murrab	Sila lihat kitab Mu ^c arrab
17	2	13	utusan kepada sesuatu kaum	utusan antara Kaum
25	1	3	Salah satu sumber yang utama kepadanya	salah satu sumber kepadanya
25	3	6	bahaqa	bahasa
29	2	10-11	Pada makna-makna ter- tentu	pada makna-makna ter- tentu yang tidak terdapat di dalam bahasa Arab
31		3	Perkataan-perkataan dituturkan	bahasa dituturkan
33	2	2	Iaitu Perkataan- perkataan	Muwalled ialah perka- taan
34	1	10	tauhid	muwallad
40	2	6	ianya tidak bertujuan membentuk perkataan- perkataan dalam bentuk baru	Ianya bukan satu proses dan kaedah pembentukan perkataan baru.
40	4	1	perkataan itu ialah	perkataan ialah
42	1	5	dua bahasa, iaitu bahasa stonda.	dua jenis bahasa iaitu bahasa standard
42	3	6	berlakunya	berlakunya
43	3	5	memancar	terbit

43	3	8	telah keringlah bumi	bumi menjadi kering
43	3	11	menjatuhkan	menggugurkan
55	1	2	bahasa	bahasa-bahasa
94	5	1	linguistik silam	linguistik Arab silam
100	1	2	LINGUISTIK MODEN	LINGUISTIK ARAB MODEN
142	1	6	kebetulan ianya diturunkan	al-Qur'an diturunkan
142	3	1	dengan bahasa Arab	dalam bahasa Arab
144	2	4	perkara ini sama	perkara yang sama
144	3	1	berlaku	terdapat
144	3	2	pentadbiran ialah	pentadbiran di dalam bahasa Arab ialah
160	1	4	wafat	meninggal
	1	7	wafat	meninggal
	1	10	wafat	meninggal

ABW 8085

INV.....

PEMBENTUKAN KATA PINJAMAN

DALAM BAHASA ARAB

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA



A504991175

WAN IBRAHIM BIN HAJI WAN MAMAT

DIKEMUKAKAN KEPADA UNIVERSITI MALAYA
UNTUK MEMENUHI SYARAT-SYARAT
IJAZAH SARJANA PENGAJIAN BAHASA MODEN
PUSAT BAHASA, UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

1995


Dimikrofiksan pada..... 07.10.999

No. Mikrofis..... 14934


Jumlah Mikrofis..... 3

HAMSIAH BT. MOHAMAD ZAHARI

UPR UNIT FOTOOGRAFI
PERPUSTAKAAN UTAMA
UNIVERSITI MALAYA



سَمْوَاتُهُ مِنْ أَجْنَانِ الْجَنِّينَ



P E N G H A R G A A N

Al-hamdulillah syukur kepada Allah s.w.t. yang maha agung yang mana dengan taufik dan hidayatnya penulis dapat menyusun dan menyiapkan disertasi ini.

Kajian disertasi ini adalah salah satu keperluan untuk memperolehi Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Di kesempatan ini penulis merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Asmah Haji Omar, Pengarah Pusat Bahasa yang telah banyak memberi sumbangsan dan pertolongan kepada saya khususnya dan kepada kami guru-guru bahasa Arab yang bertugas di Pra Akademi Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri amnya bagi mengikuti kursus Sarjana Pegajian Bahasa Moden anjuran Pusat Bahasa Universiti Malaya.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih juga dirakamkan kepada yang berusaha al-Fadil Ustaz Mohd. Zaki bin Abd Rahman selaku penyelia kepada disertasi ini, dia atas segala tunjuk ajar, nasihat dan bimbingan yang begitu banyak membantu penulis khususnya dalam bidang kajian ini.

Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada para pensyarah yang telah mengajar dan membimbing serta mencurahkan ilmu yang tidak ternilai kepada penulis semasa pengajian di peringkat awal sebelum ini.

Tidak ketinggalan juga semua pegawai dan kakitangan Perpustakaan Universiti Malaya, Nilam Puri dan para pegawai Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur yang telah memberi kerjasama meminjam buku-buku rujukan semasa menyiapkan kajian ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua kakitangan Pusat Bahasa yang telah banyak membantu menjalankan kerja-kerja dari segi pentadbiran bagi memudahkan penulis menyiapkan disertasi ini.

Tidak lupa juga penulis berterima kasih kepada ibu, isteri dan anak-anak yang sentiasa memberi kerjasama dan galakan serta dorongan sehingga penulis berjaya menyiapkan kajian ini, semoga Allah s.w.t. memberkati kehidupan kita semua.

Akhir sekali penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak. Mudah-mudahan segala sumbangan yang telah diberikan kepada penulis akan mendapat ganjaran pahla dari Allah s.w.t. Sekian.

Wan Ibrahim bin Haji Wan Mamat
Akademi Islam, Universiti Malaya,
Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

1hb. Februari 1995.

1hb. Ramadan 1415.

A B S T R A K

Pembentukan kata pinjaman adalah merupakan salah satu unsur daripada unsur-unsur morfologi yang terdapat di dalam bahasa Arab, ianya bersama dengan unsur-unsur lain berperanan untuk memantapkan struktur bahasa Arab.

Bahasa Arab sebagai suatu bahasa yang unik sudah tentu tidak sunyi dari perkataan-perkataan pinjaman sama ada dalam bidang pertuturan atau penulisan.

Kajian mengenainya adalah merupakan suatu perkara yang penting dan perlu diketahui oleh setiap pengkaji bahasa Arab dan ianya perlu didedahkan untuk tatapan umum khususnya kepada peminat bahasa Arab.

Kajian ini mempunyai enam (6) bab:

Bab pertama: Penulis mengemukakan definisi-definisi peminjaman yang telah dikemukakan oleh ahli-ahli linguistik bahasa Arab dan perbandingan serta beberapa analisis kepada definisi-definisi tersebut.

Bab kedua: Menjelaskan perbezaan kata pinjaman dengan unsur-unsur morfologi lain yang terdapat di dalam bahasa Arab terutama unsur-unsur yang hampir sama dengannya sama ada dari segi nama atau bentuk.

Di dalam bab ini juga dijelaskan beberapa pandangan ahli-ahli linguistik bahasa Arab tentang perbezaan tersebut.

Bab ketiga: Membincangkan secara khusus mengenai faktor-faktor berlakunya peminjaman ke dalam bahasa Arab dengan menyebut satu persatu faktor-faktor tersebut bersekali dengan contoh-contohnya serta dikemukakan secara ringkas sejarah peminjaman kerana ia berkait rapat dengan faktor-faktor tersebut.

Bab keempat: Penulis menumpukan kajian mengenai cara melakukan peminjaman dan syarat-syaratnya. Ianya dibahagikan kepada dua fasal.

Pertama, cara-cara melakukan peminjaman dengan menyebut beberapa kaedah yang telah diletak oleh ahli-ahli linguistik bersekali dengan contoh-contohnya serta dinyatakan perbezaan pandangan mereka terhadap cara-cara tersebut.

Kedua, syarat-syarat melakukan peminjaman. Penulis memaparkan beberapa pandangan ahli linguistik silam dan moden mengenai syarat-syarat peminjaman ini serta menyebut syarat-syarat yang diletakkan oleh mereka.

Bab kelima: Menjelaskan cara-cara mengenali kata pinjaman dengan mengemukakan beberapa cara dan tanda bagi menentukan sama ada sesuatu perkataan itu perkataan pinjaman atau tidak.

Bab keenam: Merupakan kajian mengenai peminjaman di dalam al-Qur'an dengan menjelaskan beberapa pandangan ulama dan ahli linguistik bahasa Arab serta menyebut

contoh-contoh perkataan pinjaman yang terdapat di dalam al-Qur'an.

Dari penyelidikan ilmiah ini penulis mengharapkan dapat memberi sedikit sumbangan ke arah memahami bahasa Arab secara meluas dan terperinci atau ianya dapat membantu sesiapa yang mengkaji bahasa Arab selaku ianya bahasa rasmi umat Islam seluruh dunia.

oooooooooooooooooooooooooooo

K A N D U N G A N

TAJUK	HALAMAN
PENGHARGAAN	i - ii
ABSTRAK	iii - v
KANDUNGAN	vi - xi
TRANSLITERASI.....	xii - xiv
MUKADIMAH.....	xv - xix

BAB PERTAMA**DEFINISI PEMINJAMAN**

1- Definisi Peminjaman	1 - 3
1-1 Analisis Kepada Definisi-Definisi	3 - 4
1-1-1 Unsur-Unsur Persamaan	4
1-1-2 Unsur-Unsur Perbezaan	4 - 19

BAB KEDUA**PERBEZAAN PEMINJAMAN DENGAN LAIN-LAIN UNSUR****MORFOLOGI BAHASA ARAB**

2 Perbezaan Peminjaman Dengan Lain-Lain Unsur Morfologi Bahasa Arab	24
--	----

2-1 Perbezaan Antara Peminjaman Dan Dakhil ..	24 - 25
2-1-1 Golongan Yang Membezakan Antara Peminjaman Dengan Dakhil	25 - 26
2-1-2 Golongan Yang Tidak Membezakan Di Antara Peminjaman Dengan Dakhil	27 - 30
2-1-3 Golongan Yang Berpendapat Dakhil itu Lebih Umum Daripada Peminjaman	30 - 35
2-1-4 Golongan Yang Membezakan Di Antara Peminjaman Dan Dakhil Dengan Berpandukan Kepada Zaman <u>Tadwīn Al-Lughat</u>	35 - 37
2-2 Perbezaan Di Antara Peminjaman Dan Taulid	38
2-2-1 Dengan Melihat Kepada Asal Perkataan- Perkataan Yang Dipinjam Dan DiTaulidkan	39 - 40
2-2-2 Peminjaman Itu Berlaku Pada Meminjam Perkataan-perkataan Sahaja, Berbeza Dengan Taulid Yang Melahir Dan Membentuk Perkataan	40 - 42
2-2-3 Dengan Melihat Kepada Faktor Perubahan Makna	42 - 43
2-2-4 Dengan Melihat Kepada Cara Berlaku Kedua-duanya	43 - 44

BAB KETIGA

FAKTOR-FAKTOR BERLAKUNYA PEMINJAMAN

DI DALAM BAHASA ARAB.

3 Faktor-Faktor Berlakunya Peminjaman Di Dalam Bahasa Arab	49
3-1 Sejarah Ringkas Peminjaman	49 - 54
3-2 Faktor-Faktor Berlakunya Peminjaman	54
3-2-1 Faktor Pertembungan	54 - 60
3-2-2 Faktor Keperluan	60 - 65
3-2-3 Faktor Terjemahan	65 - 69

BAB KEEMPAT

CARA-CARA MELAKUKAN PEMINJAMAN

DAN SYARAT-SYARATNYA

4 Cara-Cara Melakukan Peminjaman Dan Syarat- Syaratnya	73
4-1 Cara-Cara Melakukan Peminjaman	73
4-1-1 Dengan Cara Tidak Diubah, Bahkan Dikekalkan Dalam Bentuk Asalnya	74
4-1-2 Dikekalkan Dalam Bentuk Asalnya Serta Dikiaskan Dengan Perkataan Arab	75
4-1-3 Diubah Dari Bentuk Asalnya Serta Dihubungkaitkan Dengan Perkataan Arab... .	75 - 80
4-1-4 Diubah Dari Bentuk Asalnya, Tetapi	

Tidak Dihubungkaitkan Dengan Perkataan	
Arab	80 - 83
4-1-5 Analisis Kepada Cara Melakukan	
Peminjaman	83 - 90
4-2 Syarat-Syarat Peminjaman	91 - 92
4-2-1 Syarat-Syarat Peminjaman Di Kalangan	
Para Ulama Dan Ahli-Ahli Linguistik	
Silam	92
4-2-1-1 Golongan Yang Tidak Meletakkan	
Syarat-Syarat Yang Tertentu Kepada	
Peminjaman	92 - 94
4-2-1-2 Golongan Yang Telah Meletakkan Syarat-	
Syarat Yang Tertentu Kepada	
Peminjaman	94 - 99
4-2-2 Syarat-Syarat Peminjaman di Kalangan	
Para Ulama Dan Ahli Linguistik Moden... 100	
4-2-2-1 Golongan Yang Berpendapat Bahasa	
Arab Tidak Memerlukan Kepada	
Peminjaman.....	100 - 105
4-2-2-2 Golongan Yang Berpendapat Harus	
Melakukan Peminjaman Dan Tidak	
Perlu Diletakkan Apa-Apa Syarat	
Padanya	105 - 108
4-2-2-3 Golongan Yang Berpendirian	
Sederhana Dan Syarat-Syarat Yang	
Diletak Oleh Mereka	108 - 119

BAB KELIMA**CARA-CARA MENGENALI KATA PINJAMAN**

5 Cara-Cara Mengenali Kata Pinjaman	127
5-1 Melalui Kajian Sejarah	127 - 129
5-2 Berpandukan Kepada Wazan Sarfi Bahasa Arab	129 - 130
5-3 Dengan Menggunakan Cara Isytiqāq (Derivasi).....	130 - 131
5-4 Melalui Kajian Kemasyarakatan	131 - 133
5-5 Melalui Kedudukkan Susunan Huruf Pada Sesuatu Perkataan	133 - 138
5-6 Melalui Cara Perbandingan Dengan Sesuatu Bahasa Lain	138 - 139

BAB KEENAM**PEMINJAMAN DI DALAM AL-QURĀN**

6 Peminjaman Di dalam Al-Qurān	142
6-1 Sebab-Sebab Berlakunya Peminjaman Di Dalam Al-Qurān	143 - 146
6-2 Perbezaan Pendapat Di Kalangan Ahli Gramatika Dan Linguistik Arab Mengenai Berlaku Atau Tidaknya Peminjaman Di Dalam Al-Qurān	147

6-2-1 Tidak Harus Berlakunya Peminjaman Di Dalam Al-Quran	147 - 152
6-2-2 Harus Berlakunya Peminjaman di Dalam Al-Quran	152 - 157
6-2-3 Golongan Yang Berpendapat Secara Sederhana	157 - 159
6-3 Contoh-Contoh Perkataan Pinjaman Di Dalam Al-Quran	160 - 174
PENUTUP	178 - 183
BIBLIOGRAFI	184 - 188

xxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxxx

T R A N S L I T E R A S I

BUNYI KONSONAN

Konsonan Arab tidak selamanya sepadan dengan konsonan Rumi. Oleh itu bagi konsonan Arab tertentu, beberapa konsonan Rumi terpaksa dibubuh lambang tambahan. Hal tersebut dapat dilihat seperti di bawah:-

Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	a
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ه	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s

Huruf Arab	Huruf Rumi
ش	sy
ص	s̥
ض	d̥
ط	t̥
ظ	z̥
ع	c̥
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
هـ	h
ءـ	ə

Huruf Arab**Huruf Rumi**

ṣ

y

ā

t̄

Dalam sistem vokal Arab pula, terdapat vokal panjang dan vokal pendek. Ianya seperti berikut; -

Vokal Pendek

-----a

-----i

-----u

Vokal panjang

-----ā

-----ī

-----ū

(1) Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi,
Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 1983.

M U K A D I M A H

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَحْمَدُكَ اللَّهُمَّ وَاسْتَعِينُكَ وَاسْتَهْدِيكَ وَأَصْلِي وَأَسْلِمْ عَلَيْكَ رَسُولَكَ
الْأَمِينَ، وَعَلَيْ أَلَّهِ وَصَاحِبِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِالْحَسَنَاتِ إِلَيْ يَوْمِ الدِّينِ.

Segala puji bagi Allah s.w.t. yang mana dengan taufik dan rahmatnya dapat penulis menyiapkan disertasi yang berjudul "Pembentukan kata pinjaman dalam bahasa Arab". Penulis mengharapkan mogamoga disertasi ini menjadi sebahagian amal salih, mudah-mudahan ianya akan mendapat ganjaran pahla daripada Allah s.w.t. di akhirat nanti.

Disertasi ini di samping menambah ilmu dan memberi banyak pengalaman kepada penulis, ianya juga diharapkan akan menjadi panduan atau rujukan untuk generasi masa kini dan akan datang khususnya kepada mereka yang membuat kajian dalam bidang morfologi bahasa Arab demi untuk memahaminya secara mendalam sejajar dengan statusnya sebagai bahasa wahyu dan bahasa rasmi umat Islam seluruh dunia.

KEPENTINGAN TAJUK

Penggunaan kata pinjaman dalam bahasa Arab sebenarnya bukanlah merupakan suatu perkara yang baru. fakta kewujudannya telah dibuktikan sendiri oleh sejarah

bahasa tersebut, cuma bagi penulis sebagai seorang pengkaji bahasa Arab merasakan tajuk ini perlu didedahkan sebagai bukti menunjukkan betapa uniknya bahasa Arab. Ianya mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dalam semua bidang yang berkaitan dengannya, satu daripadanya ialah bidang morfologi yang mana pembentukan kata pinjaman ini merupakan sebahagian daripadanya.

Di antara sebab-sebab mendorong penulis memilih tajuk "Pembentukan kata pinjaman dalam bahasa Arab" ini ialah:

- 1) Untuk mendedahkan kepada umum khususnya kepada peminat dan pengkaji bahasa Arab bahawa bahasa Arab sepetimana juga bahasa-bahasa lain di dunia ini tidak sunyi dari kata pinjaman.
- 2) Oleh kerana peminjaman ini mempunyai unsur-unsur yang unik dan tersendiri, ianya mempunyai cara-cara dan syarat-syarat yang tertentu di samping lain-lain perkara yang perlu diketahui dan dipelihara pada masa melaku dan mengamalkannya menyebabkan ianya perlu diberi penelitian serta dikaji selidik secara terperinci dan wajar diketengahkan kepada umum.
- 3) Walaupun peminjaman ini telah diberi perhatian dan juga dikaji sejak dahulu lagi, tetapi ianya dipamerkan melalui bahasa Arab sahaja. Bagi memberi manfaat kepada

umum, khususnya kepada para penganalisis, wajar sekali iaanya dibuat dalam bahasa Melayu.

4) Bagi membantu para pelajar supaya dapat mengenali secara lebih dekat dan memahami secara mendalam selok-belok peminjaman ini.

METODE KAJIAN

Di dalam penulisan disertasi ini pada keseluruhannya penulis telah menggunakan kaedah dokumentasi iaitu cara pengumpulan data-data melalui kitab-kitab turath, buku-buku linguistik dan gramatika bahasa Arab, nota-nota syarahan, kamus-kamus dan seumpamanya. Kajian dibuat melalui pembacaan, terjemahan dan catatan-catatan penting. Penulis membuat rujukan dari berbagai sudut yang berhubungkait dengan tajuk ini.

Untuk makluman, penulis meletakkan nota kaki di akhir setiap bab.

Penulis banyak membuat rujukan di Perpustakaan Akademi Islam, Nilam Puri, Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Perpustakaan Pusat Bahasa Arab, Nilam Puri, disamping merujuk kepada buku-buku yang dibeli sendiri.

MASALAH KAJIAN

Bagi menyiapkan kajian ini penulis telah menghadapi berberapa masalah, walaupun bagaimana pun ianya merupakan perkara biasa bagi sesiapa saja yang membuat sesuatu kajian.

Masalah pertama yang dihadapi oleh penulis ialah penulis tidak mempunyai bahan rujukan yang mencukupi untuk dibuat kajian secara lebih terperinci. Dari pengalaman yang diperolehi semasa membuat kajian, penulis dapati kebanyakan perpustakaan yang terdapat di negara ini tidak banyak mempunyai buku-buku berkaitan dengan kajian linguistik bahasa Arab, sedangkan buku-buku jenis ini banyak terdapat di negara-negara Arab.

Masalah kedua ialah berhubung dengan kesulitan untuk menterjemahkan istilah-istilah yang dipakai dalam kajian linguistik bahasa Arab ke dalam bahasa Malaysia, ini kerana sebahagian besar bahan rujukan yang dirujuk adalah ditulis dalam bahasa Arab.

Masalah ketiga yang dialami oleh penulis ialah kesuntukan masa, kerana kajian ini dibuat dalam keadaan separuh masa. Penulis terpaksa membahagi masa dengan teliti, kerana tugas pengajaran terpaksa diutamakan. Penumpuan penuh diberi kepada kajian ini hanya semasa cuti Universiti sahaja.

Masalah seterusnya yang dialami oleh penulis ialah berhubung dengan kesihatan diri penulis, yang mana sampai kini tidak putus-putus terpaksa menerima rawatan dari pihak hospital, penulis menganggap ianya sebagai suatu ujian Allah terhadap diri penulis, moga-moga ianya menjadi penebus kepada dosa di samping memberi ingatan untuk lebih menghampir diri kepadanya.

Akhir sekali penulis berharap agar usaha penulis ini akan diberi ganjaran pahla oleh Allah di akhirat nanti dan mudah-mudahan sedikit sebanyak akan memberi manfaat kepada umum.

Apa yang betul semuanya dari Allah dan apa yang kurang ianya merupakan kelemahan diri penulis, kepada Allah sahaja penulis berserah dan bertawakkal dan dia lah yang lebih mengetahui segala sesuatu.

@@@@@@@